

Headline	Penyudah tumpul punca TNB tewas		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	15 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Sukan	Page No	46
ArticleSize	415 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 42,753		



# Penyudah tumpul punca TNB tewas

**Kuala Lumpur:** Pengendali Tenaga Nasional Berhad (TNB), Mohd Amin Rahim kurang senang dengan ketumpulan penyudah skuad bimbingannya di hadapan gol ketika harapan meraih gelaran sulung Piala Tan Sri P Alagendra musnah susulan tewas 2-1 kepada Sapura, kelmarin.

Bekas juara lima kali Liga Hoki Malaysia (MHL) itu banyak mendominasi permainan terutama pada 30 minit terakhir dan membuat lebih lapan percubaan berbahaya, namun terpaksa menunggu sehingga minit ke-43 untuk memecah kebuntuan menerusi jaringan penyamaan Shahril Saabah.

Malah, tonggak versatil TNB, Syed Mohd Syafiq Syed Cholan turut mensia-siakan peluang keemasan seawal minit ke-10 apabila gagal menyempurnakan pukulan stroke yang berjaya diselamatkan penjaga gol, Mohammad Hairi Abdul Rahman.

## Belajar dari kekalahan

“Pada saya pemain tidak bijak menggunakan peluang,” kata Amin yang juga bekas pertahanan kebangsaan.

“Ini kerana kita memperoleh beberapa peluang yang cerah untuk jaringan gol tetapi tidak

menyudahkannya.

“Apapun saya berpuas hati dengan persembahan pemain kerana mereka sudah memberi yang terbaik dan saya harap mereka akan bangkit daripada kesilapan ini untuk memberi tentangan sengit pada baki dua perlawanan liga selepas ini,” katanya.

Ia adalah kekalahan 2-1 ketiga berturut-turut TNB di tangan Sapura pada musim ini sekaligus menyaksikan skuad bimbingan Amin hampir pasti menutup musim ini dengan tangan kosong kerana ketika ini mereka berada di kedudukan terbawah liga.

Justeru, Amin berharap bariisan pemainnya cepat belajar daripada kekalahan ini bagi mengha-

dapi dua aksi genting liga menentang Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC), esok dan Pasukan Hoki Terengganu pada Ahad ini.

“Sangat mengecewakan kerana kami kalah dengan jumlah jaringan yang sama buat kali ketiga

berturut-turut. Saya terima kekalahan ini dengan hati yang terbuka, tetapi saya mahu pemain saya cepat belajar. Bagi saya bukan kami tidak bernasib baik tetapi kami yang buang nasib.”

**Oleh Naqib Nor Said**

Headline	Penyudah tumpul punca TNB tewas		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	15 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Sukan	Page No	46
ArticleSize	415 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 42,753		



**Aksi penjaga gol TNB** cuba menghalang percubaan pemain Sapura pada final Piala Tan Sri P Alagendra, kelmarin.